

**Syarikat IKS Gulung Tikar Jika Gaji Minimum RM1,100 Pembangkang Dilaksana Bernama
4 Oktober, 2012**

SHAH ALAM, 4 Okt (Bernama) -- Banyak syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) akan gulung tikar sekiranya gaji minimum pekerja RM1,100 sebulan seperti yang dikemukakan pembangkang dalam belanjawan alternatifnya dilaksanakan.

Pengerusi Biro Ekonomi dan Pembangunan Usahawan, Pergerakan Pemuda Umno Datuk Sohaimi Shahadan berkata ini kerana banyak syarikat IKS tidak akan dapat membayar gaji setinggi itu berikutan kos operasi melambung naik.

"Jika syarikat IKS gulung tikar, sudah tentu ia akan menyebabkan pengangguran yang teruk. Kami banyak terima maklum balas daripada pihak usahawan yang bimbang dengan situasi ini," katanya dalam sidang media bersama wakil badan-badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan keusahawanan di sini pada Khamis.

Sohaimi berkata di Selangor sahaja ada 300,000 syarikat IKS kebanyakannya di sektor perkhidmatan dan pembuatan, dan sekiranya masing-masing mempunyai lima pekerja, jumlah keseluruhan pekerja IKS di negeri itu ialah 1.5 juta.

Menurut Sohaimi, pembayaran gaji minimum RM1,100 akan menyebabkan kos produk meningkat dan menjurus kepada harga barangan jualan meningkat sehingga membebankan rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699683>